

## **PENERAPAN NILAI MAKRIFAH DALAM ILMU NAHU ARAB MENURUT AL-QUSHAYRI**

Application of Makrifah Values in Arabic Grammar According To Al-Qushayri

Zaiton Mustapha, Shahrizal Mahpol and Nur Hafizah Ahmad Tajuddin

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

[zaiton630@uitm.edu.my](mailto:zaiton630@uitm.edu.my)

**Abstrak:** Dalam perbahasan ilmu tasawuf, makrifah merupakan suatu keadaan seorang hamba yang dapat mengenal Allah dengan segala sifat kesempurnaanNya. Ia merupakan aspek spiritual yang utama perlu diterapkan dalam setiap disiplin ilmu Islam termasuklah bidang nahu Arab. Realiti yang berlaku dalam pengajian nahu ialah perbincangannya terpisah dari aspek spiritual yang boleh menjadikan pelajar semakin mendekatkan diri kepada Penciptanya. Al-Qushayri (w. 465H) merupakan tokoh ulama sufi terawal yang telah berjaya menerapkan nilai tasawuf dalam disiplin ilmu nahu melalui hasil penulisannya. Artikel ini cuba memaparkan pendekatan baharu tokoh ini, membahaskan konsep makrifah yang diterapkan dalam beberapa topik nahu sebagaimana terkandung dalam kitab beliau berjudul “*Nahw al-Qulūb al-Kabir*”. Dengan menggunakan metode analisis kandungan (content analysis), kajian mendapati al-Qushayri telah menekankan keutamaan dan beberapa ciri penting bagi para *sālikīn* untuk mencapai tahap makrifah Allah. Kajian juga mendapati penerapan yang dilakukan dalam karya tersebut adalah berdasarkan pendekatan perbandingan yang merujuk kepada dua aspek persamaan. Pertama ialah aspek persamaan dalam penggunaan istilah bagi kedua-dua disiplin ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Kedua pula ialah aspek persamaan pada makna bagi konsep-konsep dalam ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan beberapa kaedah dalam ilmu nahu. Pendekatan ini juga telah dijadikan panduan oleh beberapa ulama sufi terkemudian untuk mengintegrasikan kedua-dua disiplin ilmu ini dalam bentuknya yang baharu dan bersepadu. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pihak yang berkepentingan dalam usaha merangka kurikulum bersepadu yang mencakupi aspek spiritual dan linguistik dalam subjek ilmu nahu Arab.

**Kata Kunci:** *Penerapan Nilai Makrifah, Ilmu Nahu, al-Qushayri*

**Abstract:** In the debate on Sufism, makrifah is a state of a servant who can know Allah with all the attributes of His perfection. It is a major spiritual aspect that needs to be applied in every discipline of Islamic knowledge, including the field of Arabic grammar. The reality that occurs in the study of grammar is that the discussion is separate from the spiritual aspect which can make the student draw closer to his Creator. Al-Qushayri (d. 465H) was the earliest Sufi scholar who had successfully applied the values of Sufism in the discipline of grammar through his writings. This article attempts to present the new approach of this figure, discussing the concept of makrifah applied in several grammatical topics as contained in his book entitled “*Nahw al-Qulūb al-Kabir*”. Using the method of content analysis, the study found that al-Qushayri has emphasized the priorities and some important characteristics for the *sālikīn* to achieve the level of knowledge of Allah. The study also found that the application done in the work is based on a comparative approach that refers to two aspects of similarity. The first is the aspect of similarity in the use of terms for both the disciplines of Sufism and grammar. The second is the aspect of similarity in the meaning of the concepts in Sufism which can be compared with several methods in grammar. This approach has also been used as a guide by some Sufi scholars to integrate these two disciplines in a new and integrated form. The findings of this study are expected to provide a meaningful contribution to stakeholders in the effort to design an integrated curriculum that covers spiritual and linguistic aspects in the subject of Arabic grammar.

**Keywords:** Application of Makrifah Values, Grammar, al-Qushayri

## 1. PENGENALAN

Tasawuf ialah ilmu yang membincangkan mengenai proses pembersihan jiwa, penjernihan akhlak dan pengisian zahir serta batin (Zakaria al-Ansari, 2007). Ia merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim untuk mencapai matlamat kebahagiaan dunia dan akhirat (al-Suyuti 1983). Disiplin ilmu ini mempunyai kaedah dan matlamat tersendiri sebagaimana disiplin ilmu Islam yang lain. Matlamat utama mempelajari ilmu ini ialah untuk mencapai tahap makrifah Allah (Ibn Khaldun, t.t.). Makrifah dari sudut bahasa ialah mengetahui (Ibn Manzur, t.t.). Dari perspektif ilmu tasawuf, makrifah ditakrifkan sebagai suatu keadaan atau sifat seseorang yang mengenal Allah dari segi zat, sifat dan namaNya sehingga dapat mengetahui segala rahsia ketuhanan. Bukti individu yang telah sampai ke tahap makrifah ialah ketundukannya yang jitu hanya kepada Allah. Dia juga sentiasa mengingati keagungan Tuhan pada setiap ketika sehingga tiada suatu unsur yang dapat menghalangnya dari memperoleh keredaanNya (al-Qushayri, 2010).

Artikel ini cuba mengkaji tentang penerapan nilai makrifah dalam disiplin ilmu nahu yang telah diketengahkan oleh tokoh sufi kurun ke lima Hijrah bernama Abdul Karim bin Hawazin al-Qushayri. Beliau dilihat telah mempelopori pendekatan baharu dalam menghasilkan karya ilmu nahu dengan menerapkan elemen tasawuf dalam perbahasannya. Artikel ini memfokuskan kepada analisis kandungan kitab beliau berjudul “*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*”. Oleh itu,uraian mengenai latar belakang al-Qushayri perlu disentuh dengan ringkas untuk melihat lebih jelas kewibawaan tokoh dalam kedua-dua bidang ilmu ini. Namanya ialah Abdul Karim bin Hawazin bin Abdul Malik bin Talhah bin Muhammad. Beliau lebih dikenali dengan julukan al-Qushayri (Abdul Ghafir al-Farisi, 2008). Dilahirkan di sebuah desa bernama Ustuwa di kota Nisabur pada tahun 376 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 465H (al-Baghdadi t.th.). Dalam bidang tasawuf, al-Qushayri terkenal sebagai tokoh sufi sunni yang menggabungkan antara ilmu syariat dan hakikat (*al-jāmi‘ bayna al-syarī‘ah wa al-haqīqah*) (Ibn Khallikan, t.t.). Dalam bidang bahasa Arab pula, beliau diiktiraf sebagai pakar dalam ilmu nahu Arab dan seorang penyair yang hebat berasal dari Kota Nisabur (al-Bakharzi, 1969).

## 2. PERNYATAAN MASALAH

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 menekankan kepada elemen nilai murni dan spiritual yang harus diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan insan yang cemerlang dan seimbang (Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025). Perbahasan suatu bidang ilmu yang hanya tertumpu kepada aspek kognitif dan perkembangan akal semata-mata akan menyebabkan pengabaian unsur spiritual. Antara bidang ilmu yang perlu diterapkan dengan nilai tersebut ialah ilmu nahu Arab. Dalam disiplin ilmu-ilmu Islam, nilai spiritual biasanya dihuraikan secara mendalam dalam bidang tasawuf.

Menurut Ibrahim Bisyuni dan al-Jundi (2008), perbahasan ilmu nahu Arab yang berlaku selama ini adalah terpisah dari nilai tasawuf yang sangat menekankan kepada aspek penyucian diri. Mereka berpandangan, punca berlaku fenomena tersebut kerana skop perbahasannya hanya tertumpu kepada menjaga tutur kata seseorang dari kesalahan sintaksis. Kesan dari kesalahan tersebut sebenarnya boleh membawa kepada salah faham terhadap maksud suatu ayat yang dibina. Perbahasan yang hanya tertumpu kepada aspek kognitif dan perkembangan akal semata-mata akan menyebabkan unsur spiritual menjadi terbiar. Proses pembelajaran juga hanya sekadar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sahaja. Justeru, pengkaji memilih untuk menyelidiki sejauh mana sumbangan al-Qushayri menerapkan nilai tasawuf mengenai konsep makrifah dalam ilmu nahu Arab melalui karyanya bertajuk “*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*”. Tumpuan hanya diberikan kepada perbahasan mengenai nilai makrifah yang menjadi matlamat kehidupan setiap Muslim.

Gagasan untuk memperkenalkan satu pendekatan baharu dalam pengajian ilmu nahu merupakan suatu tuntutan yang mesti dipenuhi. Langkah yang dipelopori oleh al-Qushayri sejak kurun ke lima Hijrah lagi telah menarik perhatian ramai ulama sufi terkemudian untuk mengikuti jejak langkah beliau. Bertolak dari usaha tersebut maka lahirlah beberapa karya nahu yang mengikuti metode sama seperti kitab “*Nahw al-Qalb*” karangan Syeikh Ali bin Maymun (w. 917H), “*al-Futūhāt al-Quddūsiyyah bi Sharh al-Muqaddimah al-Ājurru miyyah*” karangan Ibn ‘Ajibah (w.1224H), “*Sāni al-Maṭālib*” karangan Kiyai Nur Iman (w. awal kurun ke19M ) dan lain-lain lagi.

### 3. METODE

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode analisis kandungan dokumen (*content analysis*) dengan merujuk kepada kitab “*Nahw al-Qulūb al-Kabīr*” karangan al-Qushayri sebagai sumber premier. Setelah memperolehi data-data mengenai penerapan konsep makrifah dalam beberapa topik ilmu nahu, pengkaji menggunakan metode komparatif untuk menganalisis aspek persamaan yang wujud dalam dua bidang ilmu tersebut. Metode komparatif ialah satu pendekatan dalam membuat kesimpulan dengan membuat perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi (Abdul Halim Mat Diah, 1987). Seterusnya, data tersebut akan dihubungkaitkan dengan beberapa dalil dari Quran dan Hadis sebagai sumber sokongan yang kuat untuk dijadikan penimbang tara kepada isu-isu tertentu.

### 4. DAPATAN KAJIAN

Dalam kajian ini, akan dipaparkan beberapa fakta yang berkaitan dengan konsep makrifah yang menjadi matlamat para *sālikīn*<sup>1</sup> di sepanjang perjalanan spiritual mereka. Seterusnya akan diuraikan pula bagaimana fakta berkenaan yang diterapkan dalam topik-topik nahu sebagaimana yang diketengahkan oleh al-Qushayri dalam kitab beliau.

#### 4.1 PENERAPAN NILAI KEUTAMAAN MAKRIFAH DALAM ILMU NAHU

Dalam kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*”, al-Qushayri (2005) telah menerapkan keutamaan nilai makrifah, dalam topik “*ma’rifah wa nakirah*” (kata nama khas dan kata nama am). Kajian mendapati penerapan nilai makrifah dalam topik tersebut adalah berdasarkan kepada dua aspek persamaan yang utama. Pertama ialah aspek persamaan penggunaan istilah *makrifah* dalam perbahasan kedua-dua bidang ilmu nahu dan tasawuf. Dari sudut ilmu nahu, kata nama boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama ialah kata nama menunjukkan sesuatu makna yang khusus dinamakan “*ma’rifah*”. Bahagian kedua pula ialah kata nama yang menunjukkan makna umum dikenali sebagai “*nakirah*”. Beliau tidak memberikan sebarang definisi bagi kedua-dua istilah tersebut secara terperinci kerana buku tersebut lebih mengutamakan perbahasan mengenai aspek spiritual berbanding perbincangan berbentuk linguistik semata-mata.

Dari perspektif tasawuf pula, al-Qushayri (2005) ingin menjelaskan bahawa para *sālikin* yang menceburkan diri dalam bidang kesufian terbahagi kepada dua golongan. Pertama ialah golongan yang telah mencapai tahap makrifah dan ia dibandingkan dengan istilah “*ma’rifah*” dalam ilmu nahu. Istilah ini diambil dari kata dasar yang sama iaitu perkataan **عرف - عرفه و عرفانا** (و معرفة). Namun ia mengandungi maksud yang berlainan bersesuaian dengan perbahasan bidang masing-masing. Manakala golongan kedua pula ialah mereka yang belum sampai ke tahap makrifah dan dibandingkan dengan istilah “*nakirah*”. Individu-individu yang telah sampai ke tahap makrifah sebenarnya berada pada kedudukan dan martabat yang tinggi di sisi Allah Ta’ala berbanding dengan golongan yang belum sampai ke tahap tersebut. Dalam perbahasan ilmu tasawuf, golongan ini dikenali sebagai *al-ārifīn biLlah*.

<sup>1</sup>*sālikīn* ialah sekumpulan manusia yang bersungguh-sungguh melaksanakan ibadat kepada Allah serta mengamalkan wirid yang diijazahkan oleh Syeikh mereka

Pada hakikatnya, penerapan nilai makrifah dalam topik nahu berkaitan *ma'rifah* berdasarkan kepada aspek persamaan penggunaan istilah, merupakan suatu penghayatan kepada konsep *fanā*<sup>2</sup> dalam diri al-Qushayri. Ia bermaksud, istilah *ma'rifah* dalam ilmu nahu telah *fanā'* dari pandangan hatinya kerana yang *baqā'* (kekal) hanyalah penyaksian beliau terhadap kesempurnaan Allah semata-mata. Penerapan ini menjadi bukti tentang penumpuan beliau dalam setiap topik ilmu nahu adalah memfokuskan kepada matlamat makrifah Allah Ta'ala (Ibrahim Bisyuni dan al-Jundi 1994). Dalam ungkapan lain, proses tersebut sebagai satu kefahaman tentang makna firman Allah:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ (٢٦) وَيَبْقَى وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (٢٧)

Ertinya: “Segala yang ada di muka bumi ini akan binasa (*fana'*). Dan akan kekallah (*baqa'*) zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.” (al-Rahman, 55:26-27)

Aspek persamaan kedua pula merujuk kepada persamaan maksud keistimewaan sebagaimana dihuraikan dalam perbahasan kedua-dua ilmu tersebut. Keistimewaan kata nama *ma'rifah* dari perspektif ilmu nahu dapat dilihat dari tiga sudut iaitu :

1. Penambahan *alif lam* di pangkal perkataan. Sebaliknya kata nama *nakirah* tidak terdapat penambahan *alif lam* padanya.
2. Kata nama *ma'rifah* juga tidak menerima baris tanwin. Manakala kata nama *nakirah* hendaklah dibaca dengan baris tanwin.
3. Kata nama *ma'rifah* sesuai ditulis di permulaan ayat sebagai *mubtada'*. Sedangkan kata nama *nakirah* tidak boleh ditulis di awal ayat.

Dari perspektif tasawuf pula, al-Qushayri (2005) ingin menekankan bahawa individu Muslim yang telah mencapai tingkatan *makrifah* memiliki kelebihan tertentu di sisi Allah hasil dari *mujahadah* dan *riyadah* yang dilakukan. Menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2005) antara keistimewaan para *al-ārifīn biLlah* ialah mereka sentiasa beroleh hidayah Allah, pengampunan dosa, ketenangan jiwa dan lain-lain lagi. Keistimewaan ini sebenarnya membezakan mereka dari golongan yang belum mencapai tingkatan tersebut. Hal tersebut telah digambarkan dalam Quran melalui firman Allah:

فُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Ertinya: “Katakanlah! (Wahai Muhammad) adakah sama orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu.” (al-Zumar, 39:9)

Seterusnya, al-Qushayri (2005) cuba menekankan bahawa keistimewaan yang dikurniakan kepada para *al-ārifīn biLlah* adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Beliau telah menerapkan nilai tersebut dalam topik “*al-asmā' al-sittah*” (kata nama yang enam). Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan aspek persamaan makna kelebihan yang berbeza sebagaimana dijelaskan dalam ilmu nahu dan ilmu tasawuf. Terdapat enam kata nama dalam kaedah ilmu nahu yang istimewa kerana tanda *i'rabnya* dengan huruf bukan dengan baris sebagaimana kata nama yang lain. Perkataan tersebut ialah, (*abūka, akhūka, hamūka, hanūka, fūka wa dhū māl*). Perkataan-perkataan tersebut dibaca *marfu'* dengan huruf *waw, mansūb* pula dengan huruf *alif* dan dibaca *majrūr* dengan huruf *yā*.

Dari sudut perbahasan tasawuf, nilai yang ingin diterapkan ialah kepelbagai bentuk kelebihan yang Allah berikan kepada seseorang *sālik* adalah bergantung kepada tahap makrifah yang dicapai. Oleh itu, para *al-ārifīn biLlah* tidak sama dari sudut kelebihan dan keistimewaan yang dikurniakan kepada mereka. Walaupun pada hakikatnya, mereka sama-sama menjalani pelbagai *riyadah* (latihan spiritual) dan *mujahadah* (pengorbanan) untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dalam hal ini ahli sufi ada berkata:

لَيْسَ كُلُّ بَشَرٍ بِشَرًا

<sup>2</sup> *fana'* bermaksud lenyap penumpuan hati seorang hamba kepada selain Allah.

“Bukan semua manusia itu, sama tarafnya seperti Bishr<sup>3</sup>”

Kedudukan Bishr tidak boleh disamakan dengan ahli sufi lain. Beliau telah dikurniakan kelebihan tertentu dari Allah Ta’ala disebabkan tahap *ma’rifah* dan pengorbanan yang tinggi dalam melaksanakan segala perintahNya (al-Qushayri, 2005).

#### **4.2 PENERAPAN NILAI TAKHLIYAH DAN TAHLIYAH DALAM ILMU NAHU**

*Takhliyah* merupakan proses pembersihan diri dengan meninggalkan segala dosa dan sifat tercela yang boleh merosakkan kejernihan hati. *Tahliyah* pula bermaksud menghias diri dengan ketiaatan kepada Allah dari sudut kepercayaan dan amalan (al-Jurjani, 2003). Setiap Muslim dikehendaki memulakan perjalanan spiritualnya melalui peringkat *takhliyah* dengan meninggalkan segala larangan Allah terlebih dahulu. Setelah itu, barulah disusuli pula dengan peringkat *tahliyah* melalui perlaksanaan segala suruhanNya (al-Tusi, 2007). Peringkat-peringkat tersebut dapat dilihat dalam rajah 1. di bawah:-

**Rajah 1:** Peringkat Mencapai Makrifah



Merujuk kepada peringkat *takhliyah*, al-Qushayri (2005) telah menerapkannya dalam topik “*hurūf al-khaṣṣ*” (partikel genitif). Penerapan yang dibuat adalah berdasarkan kepada persamaan makna kerendahan nilai sebagaimana diuraikan dalam perbahasan ilmu nahu dan ilmu tasawuf. Beliau menjelaskan bahawa *hurūf al-khaṣṣ* dari sudut ilmu nahu berperanan menjadikan kata nama yang terletak selepasnya dibaca *makhfūd* dengan baris *kasrah* (baris bawah). Menurutnya lagi, *kasrah* merupakan baris lemah dan ringan berbanding dengan baris *dammah* dan *fathah*. Apabila kata nama dimasuki *hurūf al-khaṣṣ* keadaannya secara simbolik menjadi lemah dan hina kerana kedudukannya berada di bawah huruf.

Dari perspektif tasawuf, dosa telah dibandingkan seperti *hurūf al-khaṣṣ* yang akan menyebabkan pelakunya berada di dalam keadaan hina di sisi Allah. Sebaliknya hamba yang tidak melakukan dosa akan berada pada kedudukan yang mulia di sisi Allah sebagaimana kata nama yang tidak dimasuki *hurūf al-khaṣṣ* dalam ilmu nahu. Lebih dari itu pendosa juga akan memperoleh laknat dari Nabi Muhammad (s.a.w) (Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (t.t.) sebagaimana terdapat dalam beberapa Hadis yang mengandungi maksud laknat, seperti Hadis riwayat Tirmizi (1962) bahawa Nabi bersabda:

... لعن رسول الله ﷺ في الخمر عشرة

Ertinya: Rasulullah melaknat dalam arak itu 10 golongan....

Apabila darjah seseorang hamba menjadi hina maka tiada seorang pun yang mampu memuliakannya sebagaimana firman Allah:

<sup>3</sup> Beliau merupakan ulama sufi berasal dari Merv, kemudian berpindah ke Baghdad dan wafat di sana pada tahun 227H. Beliau juga digelar sebagai *al-hāfi* (berkaki ayam) kerana sanggup berjalan jauh untuk menuntut ilmu tanpa memakai kasut.

وَمَنْ يُهْنَ أَلَّهُ فَمَا لَهُ مُكْرِمٌ إِنَّ اللَّهَ يَفْعُلُ مَا يَشَاءُ

Ertinya: “Dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka dia tidak akan beroleh sesiapapun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkannya.” (al-Hajj, 22:18)

Berkaitan peringkat *tahliyah* dari sudut kepercayaan, al-Qushayri (2005) menjelaskan bahawa asas akidah yang sahih hendaklah berpaksikan kepada keimanan yang teguh kepada sifat *wāhdāniyyah* (keesaan) Allah Ta’ala. Konsep ini telah diterapkan dalam topik “*al-Mufrad wa al-Muthannā*” (kata nama tunggal dan duaan). Penerapan yang dilakukan adalah berasaskan kepada persamaan makna tunggal dan satu sebagaimana dijelaskan dalam perbahasan kedua-dua disiplin ilmu ini. Beliau menjelaskan dari sudut perbahasan ilmu nahu, kata nama *mufrad* adalah kata nama yang menunjukkan makna tunggal. Ia boleh diubah kepada *muthannā* dengan penambahan huruf “*alif nūn*” atau “*ya nūn*”. Namun demikian perkataan “*wāhid*” yang mengandungi makna tunggal tidak boleh menjadi *muthanna* (kata duaan) dengan menambahkan “*alif nūn*” atau “*ya nūn*”.

Dari perspektif tasawuf, nilai yang ingin diterapkan ialah konsep ketauhidan berteraskan kepada keyakinan bahawa Allah bersifat *wāhid* (Esa) pada zatNya yang tidak tersusun dari beberapa bahagian seperti daging, tulang dan sebagainya. Allah yang tiada sekutu bagiNya dan tiada suatu pun yang menyerupaiNya sama ada dari sudut zat, sifat atau perbuatan berdasarkan firman Allah Ta’ala:

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَحْدَةٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الْرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Ertinya: “Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.” (al-Baqarah, 2:163)

Seterusnya, al-Qushayri (2005) telah menerapkan konsep tauhid *al-asmā’* dan *al-af’āl* bagi Allah Ta’ala dalam topik “*Aqsām al-Kalām*” (bahagian-bahagian ayat). Penerapan yang dibuat adalah merujuk kepada persamaan penggunaan istilah “*ism*” dan “*fi l*” dalam perbahasan kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Beliau dengan ringkas menjelaskan bahawa “*kalimah*” (perkataan) dalam ilmu nahu terbahagi kepada 3 bahagian iaitu *ism* (kata nama), *fi l* (kata perbuatan) dan *harf* (partikel).

Dari perspektif tasawuf pula, al-Qushayri menjelaskan bahawa topik *ism* (kata nama) dalam ilmu nahu hendaklah diterapkan dengan konsep mentauhidkan Allah dari sudut nama-namaNya. Ia bermaksud seseorang yang sedang mempelajari topik *ism* dalam ilmu nahu hendaklah pada yang sama beriktihad dengan penuh keyakinan bahawa bagi Allah *asmā’ Allah al-husnā* (nama-nama Allah yang baik) yang menunjukkan kepada kesempurnaanNya dan tidak menyerupai dengan nama dan sifat makhluk. Manakala huraian al-Qushayri mengenai *fi l* pula adalah memfokuskan kepada penerapan konsep mentauhidkan Allah dari sudut *af’āl*Nya dalam topik tersebut. Beliau menjelaskan bahawa perbahasan topik *fi l* dalam ilmu nahu hendaklah diterapkan padanya konsep beriman dengan penuh keyakinan bahawa setiap perkara yang berlaku adalah disandarkan kepada perbuatan Allah semata-mata tidak kepada makhluk. Selain dari itu, *af’āl* Allah juga tidak menyerupai dengan segala perbuatan hambaNya sebagaimana dijelaskan dalam Quran:

لَيْسَ كَمِثْلَهُ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Ertinya: “Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.” (al-Syura 42:11)

Merujuk kepada peringkat *tahliyah* dari sudut amalan pula, al-Qushayri telah menerapkan nilai kesungguhan melaksanakan tuntutan syariat dalam topik *naṣb* (akusatif). Aspek persamaan dalam penerapan tersebut hanya merujuk kepada persamaan penggunaan istilah “*naṣb*” dalam perbahasan kedua-dua ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Perkataan *naṣb* dari sudut bahasa, diambil dari kata dasar “*naṣiba*” bermaksud kesungguhan dalam sesuatu pekerjaan (Ibn Manzur, t.t.). Dari perspektif ilmu nahu, *naṣb* adalah satu keadaan yang terdapat pada kata nama tunggal dan kata kerja yang asalnya dibaca dengan baris *fathah* pada huruf akhir (Muhammad Samīr Najīb, 1985).

Nilai tasawuf yang diterapkan oleh al-Qushayri dalam topik ini ialah, makna perkataan *naṣb* itu sendiri dari sudut bahasa yang mengandungi makna kesungguhan berterusan dalam melaksanakan segala amalan. Kesungguhan ini, meliputi segala suruhan Allah sama ada berkaitan dengan tuntutan wajib mahupun sunat sebagaimana ditegaskan secara simbolik melalui firmanNya:

فَإِذَا فَرَغْتَ فَأَنْصَبْ

Ertinya: “Maka apabila engkau telah selesai (sesuatu urusan) tetaplah bersungguh-sungguh (melaksanakan urusan yang lain).” (al-Sharh 94:7)

Nilai tersebut merupakan antara ciri penting yang ditekankan dalam ilmu tasawuf kerana tujuan Allah menentukan kehidupan dan kematian adalah untuk melihat amalan yang paling baik dilakukan oleh hambaNya. Tujuan tersebut sebenarnya telah dijelaskan dalam Quran melalui firmanNya:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَنْلُوكُمْ أَيْكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

Ertinya: “(Allah) yang menjadikan kematian dan kehidupan untuk menguji kamu siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya, Dialah Allah Yang Maha Perkasa lagi Mah Pengampun.” (al-Mulk, 67:2)

Dalam persoalan *tahliyah* juga, al-Qushayri (2005) menjelaskan bahawa mutu ibadat seorang “*ārif biLlah*” adalah mengikut kepada ketinggian makrifah yang dicapai. Ia bermaksud semakin tinggi tingkatan makrifah yang dicapai maka semakin tinggi mutu amalan seorang hamba. Ciri tersebut telah diterapkan dalam fasal *na’t*. Penerapan yang dibuat adalah berdasarkan persamaan makna mengikut sesuatu sebagaimana dihuraikan dalam perbahasan kedua-dua ilmu tersebut. Menurut beliau, *na’t* dalam ilmu nahu ialah setiap kata sifat atau adjektif mengikut kepada kata nama yang berada sebelumnya dari sudut baris dan gender. Jika *man’ūt* dibaca *marfū‘*, maka *na’t* juga dibaca *marfū‘*. Sekiranya *man’ūt* dari kategori *mudhakkár* maka *na’t* juga hendaklah dijadikan *mudhakkár*.

Dari sudut tasawuf, nilai yang ingin diterapkan ialah mutu amalan zahir seorang hamba adalah mengikut kepada ketinggian makrifah yang dicapai. Amalan zahir sebenarnya, berperanan sebagai refleksi kepada tuntutan hati seseorang sama ada baik atau pun buruk. Dalam persoalan ini, al-Junayd pernah ditanya mengenai sifat seseorang *ārif biLlah*. Beliau menjawab dengan membuat perumpamaan “*warna air mengikut kepada warna bekasnya*”(al-Qushayri, 2005). Jawapan beliau menggambarkan ketulusan amalan zahir adalah mengikut kepada kejernihan batin yang terpancar dari makrifah seseorang kepada Allah. Hal ini bertepatan dengan maksud Hadis nabi yang menerangkan mengenai kaitan yang signifikan antara hati dan amalan seseorang sebagaimana sabda baginda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Ertinya: “Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada gambaran luaran kamu dan tidak juga kepada harta kamu, tetapi Dia melihat kepada hati kamu dan juga amalan kamu.” H.R Muslim (2564) 2006

#### 4.3 PENERAPAN NILAI KETEGUHAN SPIRITUAL DALAM ILMU NAHU

Seterusnya, al-Qushayri (2005) menjelaskan bahawa *sālikin* yang telah mencapai tahap *makrifah* memiliki kondisi spiritual yang mantap dan teguh. Nilai tersebut telah diterapkan dalam topik nahu “*kaff inna wa akhawatiha ‘an al-‘amal*” (*partikel penghalang fungsi keluarga inna*). Penerapan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada aspek persamaan makna keteguhan sebagaimana dijelaskan dalam perbahasan kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Kaedah ilmu nahu menyebut bahawa terdapat beberapa partikel yang berada sebelum *mubtada’* tetapi tidak memberi kesan kepada kedudukan *i’rābnya*. Antara partikel tersebut ialah *innama*, *ka’annama*, *laytama* dan lain-lain lagi. Peranan asal semua partikel ini ialah menasabkan *ism* dan merafa ‘kan *khabar*. Namun demikian ia tidak berfungsi lagi kerana telah dimasuki dengan “*mā al-zā’idah*” (*mā tambahan*). Oleh itu, ayat

yang terletak selepas partikel tersebut tidak terkesan dengan kewujudannya dan diklasifikasikan sebagai *mubtada'* dan *khabar*.

Nilai yang ingin diterapkan dari sudut tasawuf ialah, keutamaan makrifah yang menjadi faktor keteguhan spiritual para para *ārif biLlah*. Mereka sebenarnya memiliki kekuatan spiritual sehingga tidak mampu dipengaruhi oleh sebarang anasir negatif yang datang dari segenap sudut. Peranan makrifah yang menghalang spiritual mereka dari terpengaruh dengan anasir luaran telah dibandingkan dengan partikel *mā al-zā'idah* yang menghalang fungsi partikel *inna* dari beramal. Al-Qushayri (2005) telah memaparkan kisah menarik mengenai seorang ahli sufi bernama al-Quhti yang tinggal berdekatan dengan tempat hiburan yang melalaikan. Namun beliau tidak terkesan dengan apa yang berlaku di sekitarnya. Apabila ditanya mengenai keadaannya, beliau terus menjawab: “*Sejak sekian lamanya kami tidak terpengaruh dan tidak terkesan dengan sesuatu pun*”.

## 5. BENTUK PENERAPAN NILAI TASAWUF DALAM ILMU NAHU

Melalui analisis yang dilakukan, kajian mendapati al-Qushayri telah menerapkan nilai tasawuf mengenai konsep makrifah dalam topik ilmu nahu berasaskan kepada dua aspek persamaan yang utama sebagaimana berikut:

1. Aspek persamaan dalam penggunaan istilah bagi kedua-dua disiplin ilmu tasawuf dan ilmu nahu. Ia bermaksud setiap penggunaan istilah dalam ilmu tasawuf yang mempunyai persamaannya dengan penggunaan istilah dalam ilmu nahu walaupun mengandungi maksud yang berlainan.
2. Aspek kedua pula ialah persamaan pada makna yang terkandung dalam ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan makna istilah yang terdapat dalam ilmu nahu. Contoh jelas dalam konteks tersebut ialah persamaan makna kehinaan darjah orang yang berbuat dosa dalam ilmu tasawuf yang boleh dibandingkan dengan makna rendah kedudukan baris *kasrah* bagi kata nama yang dimasuki *harf al-khafḍ*.

Proses lengkap bagi bentuk penerapan nilai makrifah dalam disiplin ilmu nahu dapat dilihat dalam kaedah “*Nahu Sufi Qushayri*” (NSQ) yang dijelaskan melalui rajah 2 analisis rantaian nilai (*value chain analysis*) seperti berikut:

Rajah 2: Nahu Sufi Qushayri



Matlamat makrifah Allah dapat dicapai berpandukan kaedah “*Nahu Sufi Qushayri*” (NSQ) di sebelah dengan mengamati dua unsur utama yang menjadi tonggak kepada proses penerapan. Unsur pertama dikenali sebagai aktiviti premier yang diwakili oleh proses penerapan nilai-nilai tasawuf mengenai makrifah dalam beberapa topik ilmu nahu. Aktiviti premier tersebut hendaklah disokong dan dikukuhkan dengan unsur kedua dikenali sebagai aktiviti sokongan yang merujuk kepada aspek persamaan penggunaan istilah dan aspek persamaan makna. Perlaksanaan kedua-dua aktiviti tersebut merupakan rantaian nilai menuju kepada kemuncak matlamat bidang tasawuf iaitu makrifah Allah.

## 6. Kesimpulan

Kajian menyimpulkan al-Qushayri telah mengetengahkan satu pendekatan baharu dalam disiplin pengajian ilmu nahu Arab. Beliau merupakan tokoh ulama sufi pertama yang berjaya menerapkan nilai tasawuf berkaitan dengan konsep makrifah dalam topik-topik ilmu nahu yang dilihat ada persamaan antara kedua-duanya. Pendekatan yang beliau perkenalkan ini, telah membuktikan ketokohnnya sehingga dikenali dalam kalangan ulama sebagai tokoh ilmuwan sufi sunni yang menggabungkan antara ilmu syariat dan hakikat (*al-jāmi'bayna al-syariāh wa al-haqīqah*). Dapatkan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan satu sumbangan berharga kepada pihak bertanggungjawab dalam usaha membentuk satu kurikulum bersepadu bagi subjek ilmu nahu Arab yang mencakupi aspek kognitif dan spiritual.

## Rujukan

- Abd al-Ghāfir al-Fārisi (2008), *al-Muntakhab min Al-Siyāq li Tārīkh Nīsābūr, intakhabahu Ibrahim bin Muhammad*, Mesir: Maktabah al-Thaqāfah al-‘Ilmiyyah.
- Abd al-Qadir Isa (2005) *Haqā’iq ‘an al-Taṣawwuf*, Syria: Dār al-‘Irfān.
- Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- al-Bakharzi, Ali bin al-Hasan bin Ali (1993), *Dumyah al-Qasr wa ‘Usrah Ahl al-‘Asr*, tahkik Muhammad al-Tunji, Beirut: Dar al-Jil.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2005), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Lubnan: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Ali bin Maymun al-Hasaniy al-Idrisiy (2015), *Nahw al-Qalb*, tahkik Aim Ibrahim Lubnan: Kitab-Nashirun.
- al-Jurjani, ‘Abd al-Qahir ibn ‘Abd al-Rahman (2001), *Asrār al-Balāghah*, tahkik ‘Abd al-Hamid Hindawi, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali (2003), *Al-Ta‘rīfāt*, Kaherah: Maktabah al-Qur’ān.
- al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad bin Ali bin Thabit (t.th.), *Tārīkh Baghdađ*, Lubnan: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- al-Quran al-Karim.
- al-Qushayri, ’Abd al-Karim bin Hawazin (2005) *Nahw Al-Qulūb*, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Qushayri, ’Abd al-Karim bin Hawazin (t.th.), *Tartīb al-Sulūk fi Ṭarīq Allāh Ta‘ala*, tanpa tempat penerbitan.
- al-Qushayri, ’Abd al-Karim bin Hawazin (2010), *al-Risālah al-Qushayriyyah*. Mesir: Sharikah al-Quds lil-Tijarah.
- al-Suyūti, ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakr Jalal al-Din (1983), *al-Ashbah wa al-Naza’ir fi qawa’id wa furu’ fīqh al-Shafé’iyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Taftazani, Abu al-Wafa al-Ghunaymi (1979), *Madkhal ila al-Taṣawwuf al-Islami*, Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar‘iy al-Jawziyyah (t.t.), *al-Dā’ wa al-Dawā’*, Mesir: Maktabah al-Imān.
- Ibn al-Qayyim, Muhammad bin Abu Bakar Ayyub al-Zar‘iy al-Jawziyyah (2005), *Madārij al-Sālikin bayna Manāzil Iyyāka Na‘budu wa Iyyāka Nasta‘īn*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, ‘Abd al-Rahman bin Muhammad (t.th.), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Mesir: Dar Ibn Khaldun.
- Ibn Manzūr, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram bin Ali (t.th.), *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar Sādir.
- Ibrahim Bisyuni (1972), *al-Imām al-Qushayri Sīratuh, Athāruhu, Madhhabuhu fī al-Taṣawwuf*. Kaherah: al-Maktabah al-Misriyyah.
- Ibrahim Bisyuni dan Ahmad ‘Ilm al-Din al-Jundi (2008), *Nahw al-Qulūb al-Saghīr wa al-Kabīr li al-Imām Zayn al-Islām ‘Abd al-Karīm al-Qushayri*, Mesir: Maktabah ‘Ālam al-Fikr.
- Jawatankuasa Istilah Usuluddin Dan Falsafah Islam (1991), *Istilah Usuluddin Dan Falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Samir Najib (1985), *Mu’jam al-Mustalahat al-Nahwiyyah wa al-Sarfiyyah*, Syria: Muassasah al-Risalah.
- Muslim bin Hajaj bin Muslim al-Qushayri (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Riyad: Dar Taybah.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint.BM.pdf>.
- Shahrizal Mahpol (2018). *Penerapan Nilai Spiritual Islam Dalam Ilmu Nahu Menurut al-Qushayri Dalam Kitab “Nahw al-Qulub al-Kabir* (Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan). Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Sawrah al- (1962), *Sunan al-Tirmidhi*, tahlkik Ibrahim ‘Atwah ‘Iwad, Kaherah: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi.

Tūsi, Abu Nasr al-Sarraj (2007), *al-Luma‘*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Zaiton Mustafa, Shahrizal Mahpol dan Nur Hafizah Ahmad Tajudin (2021), Penerapan Nilai Spiritual Berkenaan Konsep Makrifah dalam Tatabahasa Arab Menurut al-Qushayri dalam Kitab “*Nahw al-Qulub al-Kabir*”, kertas kerja dalam i-LEdHS Februari 2021 di Universiti Teknologi MARA

Zakaria Muhammad al-Ansari (2007), *Nata’ij al-Afkar al-Qudsiyyah fi Bayan Ma’ani Sharh al-Risalah al-Qushayriyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah